

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3/(59)
Tarikh : 10 April 2000

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya Sabah
Ibu Pejabat
88582 Kota Kinabalu.

Y. Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 02 TAHUN 2000**

TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN TENDER

Adalah saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian Y.Bhg Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Perbendaharaan Malaysia Sabah (PMS) ada menerima aduan daripada kontraktor bekalan dan perkhidmatan/kontraktor kerja yang tidak berpeluang menyertai sesuatu tawaran kerana Jabatan telah menetapkan satu tarikh akhir bagi penjualan dokumen tender atau atas alasan dokumen tender telah habis dijual. Sehubungan dengan itu, PMS telah mengadakan semakan terhadap masalah yang ditimbulkan dan mengenalpasti kelemahan-kelemahan seperti berikut:

- 2.1. Terdapat Jabatan Pelaksana menetapkan tarikh terakhir kontraktor bekalan dan perkhidmatan/kontraktor kerja boleh membeli dokumen tender, sebelum tarikh tawaran tersebut ditutup. Sepatutnya dokumen tender masih boleh dijual sehingga tarikh tutup sesuatu tawaran.
- 2.2. Terdapat juga Jabatan Pelaksana yang tidak menyediakan dokumen tender yang secukupnya bagi memberi peluang kepada kontraktor bekalan dan perkhidmatan/kontraktor kerja membeli dokumen tersebut.

3. PMS ingin menarik perhatian pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan terhadap Arahan Perbendaharaan 172.1(a) – mengenai Publisiti Tender yang menyatakan bahawa **“apabila mempelawa tender, publisiti yang seluas-luasnya hendaklah dibuat supaya semua pembekal yang ‘bona fide’ berpeluang untuk menyertai tender dan dengan demikian membolehkan kerajaan mendapatkan tawaran yang terbaik”**.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan diharapkan dapat memastikan supaya dokumen tender dijual sepanjang tempoh pelawaan tender. Di samping itu juga pihak Jabatan Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan bilangan dokumen tender yang mencukupi untuk sesuatu tawaran yang dipelawa.

5. Di atas sokongan dan kerjasama Y.Bhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

T.T
(**DATUK DR. ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI**)
Pegawai Kewangan Persekutuan,
Sabah

Up/13/3/maa/ahs.